

**SOALAN NO: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGO  
[PUTATAN ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigo [ Putatan ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

- (a) Sama ada pihak Kerajaan menyediakan satu program ekonomi khusus bagi masyarakat Bumiputera bukan Islam dari negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu Kementerian khas bagi negeri Sabah dan Sarawak dalam hal ini.

**JAWAPAN:**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa memastikan bahawa sesuatu projek pembangunan negara akan dilaksanakan dengan mengambil kira ciri keterangkuman (inklusif) dan menjaga kesejahteraan rakyat tidak kira daripada pelbagai bangsa, agama mahupun latar belakang, sama ada di Semenanjung atau pun di Sabah dan Sarawak mahupun yang berada di bandar atau di luar bandar.

Program ekonomi khusus bagi masyarakat Bumiputera bukan Islam Sabah dan Sarawak termasuk dalam program khas yang telah disediakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) iaitu Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti (PKGBM) Sabah dan Sarawak. Peruntukan sebanyak RM20.6 bilion bagi Sabah dan RM18.6 bilion bagi negeri Sarawak merangkumi pembangunan sosio-ekonomi untuk masyarakat Bumiputera Sabah dan Sarawak. Antara program dan projek ekonomi yang terlibat di bawah PKGBM adalah seperti pembangunan, projek ekonomi akuakultur, Hak Tanah Adat dan program latihan kraftangan. Selain itu, program pembangunan yang akan dilaksanakan bagi Sabah dan Sarawak juga termasuk di dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

- (b) Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu kementerian khas bagi negeri Sabah dan Sarawak memandangkan program atau projek di bawah PKGBM tersebut dilaksanakan oleh agensi pelaksana di Sabah dan Sarawak mengikut bidang kuasa masing-masing di mana penyelarasan dan pemantauan projek masing-masing dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri di Sabah dan *Delivery Management Office* di Sarawak.

Manakala di peringkat Persekutuan pula, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri atau ICU JPM, telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan program atau projek berkenaan. Selain itu, pelaksanaan program atau projek ini juga perlu dilaporkan di dalam dua Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan bersama oleh YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 51**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membenarkan pemegang lesen senjata api membawa senjata mereka ketika menaiki kapal terbang domestik selain MAS.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan telah memberikan kelulusan kepada syarikat penerbangan Malaysia Airlines (MAS), MASwings dan Malindo Air ( bagi pesawat B737 sahaja) untuk membenarkan pemegang lesen senjata api membawa senjata mereka ke dalam pesawat. Walau bagaimanapun, kelulusan yang diberikan ini adalah tertakluk kepada kelulusan penilaian dan audit keselamatan yang dijalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Dalam hubungan ini, sekiranya terdapat mana-mana syarikat penerbangan yang berhasrat untuk mendapatkan kebenaran membawa senjata api ke dalam pesawat, prosedur yang sama akan juga dilaksanakan ke atas syarikat penerbangan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[ KUALA KRAI ] PAS**

**TARIKH : 30 MAC 2015, ISNIN**

**SOALAN : 52**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh pihak Pelaburan MARA Berhad dalam pelaburan saham di Bursa Malaysia berikutan kejatuhan harga minyak dunia baru-baru ini dan adakah dibuat apa-apa siasatan berkaitan kemungkinan ada urus niaga dalaman (*insider trading*) melibatkan pihak pengurusan tertinggi semasa pembelian saham-saham tersebut.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

MARA berterima kasih dan amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat terhadap prestasi syarikat subsidiari MARA iaitu Pelaburan MARA Berhad (PMB).

PMB tidak mengalami sebarang kerugian tunai malahan syarikat telah mencatat pendapatan kasar (belum beraudit) berjumlah RM42,266,834 untuk tahun berakhir 31 Disember 2014 iaitu peningkatan sebanyak 57 peratus berbanding prestasi kewangan pada tahun 2013. Sebagai syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti yang amat menekankan pengamalan tadbir urus yang baik, PMB juga dipantau secara terus oleh Bursa Malaysia dan MARA sebagai pemilik syarikat. PMB juga sentiasa mengguna pakai dan mematuhi garis panduan pelaburan dan prosedur operasi yang ketat dan seiring dengan amalan industri pelaburan Malaysia.